



31 Mei 2016  
31 May 2016  
P.U. (A) 148

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

PERINTAH PASPORT (VISA KEPADA WARGANEGARA  
REPUBLIK MALDIVES) (PENGECUALIAN) 2016

*PASSPORTS (VISA TO THE CITIZEN OF THE REPUBLIC  
OF MALDIVES) (EXEMPTION) ORDER 2016*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PASPORT 1966

PERINTAH PASPORT (VISA KEPADA WARGANEGARA REPUBLIK MALDIVES)  
(PENGECUALIAN) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 4 Akta Pasport 1966 [*Akta 150*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pasport (Visa kepada Warganegara Republik Maldives) (Pengecualian) 2016**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2016.

**Tafsiran**

2. Dalam Perintah ini, “dokumen perjalanan yang sah” ertinya Pasport Diplomatik, Rasmi, Biasa atau Kecemasan yang dikeluarkan kepada warganegara Republik Maldives.

**Pengecualian**

3. Menteri mengecualikan semua warganegara Republik Maldives yang mempunyai dokumen perjalanan yang sah daripada keperluan visa yang dikehendaki di bawah subseksyen 2(1) Akta tertakluk kepada syarat yang berikut:

(a) tempoh Pas Lawatan Sosial yang diberikan kepada warganegara Republik Maldives hanya terhadap kepada sembilan puluh hari bagi setiap kemasukan tanpa apa-apa pelanjutan tempoh;

(b) warganegara Republik Maldives hendaklah masuk dan keluar dari Malaysia hanya melalui pintu masuk yang dibenarkan sebagaimana yang diwartakan di bawah subseksyen 5(1) Akta Imigresen 1959/63 [*Akta 155*]; dan

(c) apa-apa syarat lain sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Imigresen.

Dibuat 29 Mei 2016

[KDN(S): 03/426/1/134; PN(PU2)482]

DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI  
*Menteri Dalam Negeri*

PASSPORTS ACT 1966

PASSPORTS (VISA TO THE CITIZEN OF THE REPUBLIC OF MALDIVES)  
(EXEMPTION) ORDER 2016

IN exercise of the powers conferred by subsection 4 of the Passports Act 1966 [*Act 150*], the Minister makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Passports (Visa to the Citizen of the Republic of Maldives) (Exemption) Order 2016**.

(2) This Order comes into operation on 1 June 2016.

**Interpretation**

2. In this Order, “valid travel document” means a Diplomatic, Official, Ordinary or Emergency Passport issued to the citizen of the Republic of Maldives.

**Exemption**

3. The Minister exempts all citizens of the Republic of Maldives with a valid travel document from the requirement of visa required under subsection 2(1) of the Act subject to the following conditions:

(a) the period of Social Visit Pass granted to the citizen of the Republic of Maldives shall only be limited to ninety days for each entry without any extension of period;

(b) the citizen of the Republic of Maldives shall enter and exit from Malaysia only through the authorized points of entry as gazetted under subsection 5(1) of the Immigration Act 1959/63 [*Act 155*]; and

(c) any other conditions as may be determined by the Director General of Immigration.

Made 29 May 2016  
[KDN(S):03/426/1/134; PN(PU2)482]

DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI  
*Minister of Home Affairs*